

UCAPAN YANG AMAT BERTHORMAT PERDANA  
MENTERI, DATO' HUSSEIN ONN, SEMPENA  
PELANCARAN RESMI YAYASAN PELABURAN  
BUM IPUTRA PADA HARI JUMAAT, 14HB  
APRIL, 1978 PUKUL 10.00 PAGI, DI-  
BILIK GERAKAN PERDANA MENTERI,  
JABATAN PERDANA MENTERI,  
KUALA LUMPUR.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri,  
Pengerusi, Yayasan Pelaburan Bumiputra.

Ahli-ahli dan Pemegang-pemegang Amanah  
Yayasan Pelaburan Bumiputra.

Pengarah-pengarah Permodalan Nasional Berhad.

Tuan-tuan sekalian.

Saya bersyukur kehadiran ALLAH  
kerana dapat hadir di upacara pagi ini,  
dan seterusnya melancarkan dengan resminya

..2/-

Yayasan Pelaburan Bumiputra dan anak syarikatnya, Permodalan Nasional Berhad. Saya berasa amat bangga kerana satu perbadanan utama, yang dirancangkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, telah dapat diwujudkan hari ini, yang sudah pasti akan meningkatkan lagi pencapaian tujuan dan matlamat Dasar Ekonomi Baru. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Pengerusi sabentari tadi, bahawa Yayasan Pelaburan Bumiputra dan Permodalan Nasional Berhad ini, telah dirangka bagi menolong secara langsung masyarakat Bumiputra memperolehi saham-saham

syarikat-syarikat yang ingin mengeluarkan saham-saham mereka kepada masyarakat Bumiputra, sebagai mematuhi Dasar Ekonomi Baru.

2. Kerajaan telah pun memindahkan kepada Yayasan ini peruntukan wang sebanyak \$200 juta, di bawah Belanjawan Pembangunan 1978.

Memanglah benar seperti yang dikatakan oleh Pengerusi dan Jawatankuasa yang telah mengkaji bentuk, struktur dan pengurusan Yayasan Pelaburan Bumiputra,

..4/-

bahawa satu pengurusan yang betul-betul jujur, bertanggungjawab dan dedikasi, adalah kunci kejayaan bagi mencapai objektif-objektif Yayasan ini. Sesungguhnya, pengurusan yang tidak jujur, tidak bekerja keras dan tidak berkesan, akan menjejaskan kejayaan pelaksanaan semua projek dan rancangan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

3. Saya ingin mengambil kesempatan pada hari ini, menerangkan dengan ringkas perspektif dan falsafah mengenai penubuhan

Yayasan Pelaburan Bumiputra ini. Pada akhir-akhir ini, terdapat salah anggapan dan salah faham terhadap hasrat dan tujuan Kerajaan mengenai Dasar Ekonomi Baru.

Malangnya, kebanyakan kritik-kritik yang kita dengar selalunya diselubungi oleh

emosi. Akibatnya, hasrat dan tujuan

sebenarnya mengenai Dasar Ekonomi Baru, telah dikelirukan dan di salah tafsirkan.

Apa yang diperlukan ini ialah satu penilaian yang sederhana dan waras mengenai dasar negara yang utama ini, yang bertujuan

mencapai matlamat sosio-ekonomi negara.

Ini hanya dapat dicapai dengan semangat kerjasama, perpaduan dan toleransi.

Pada hemat saya, sampailah masanya, iaitu ketika kita berada di pertengahan jangka  
bagi kita

masa Rancangan Malaysia Ketiga, mengkaji

keadaan yang terdapat sekarang ini, serta mengingati semula beberapa perinsip asas

yang terkandung di dalam Dasar Ekonomi Baru.

4. Saya sukalah menegaskan sekali

lagi, bahawa Kerajaan bertanggungjawab

sepenuhnya bagi mewujudkan sebuah negara yang bersatu-padu, kukuh dan adil. Dasar Ekonomi Baru muncul dari hasrat dan cita-cita negara, mewujudkan kemajuan di dalam bidang ekonomi dan cara hidup yang lebih baik, bagi semua rakyat. Dasar Ekonomi Baru ini bertujuan membasmi kemiskinan dan pencapaian satu pembahagian peluang-peluang yang adil. bagi menyertai dalam proses perkembangan di kalangan kaum-kaum yang besar. Di dalam masyarakat kita yang berbilang kaum hari ini, terdapat dengan jelasnya

ketidak seimbangan di dalam pembahagian pendapatan dan kekayaan di antara kumpulan sosial yang berbeza, yang akan melemahkan kestabilan politik dan sosial. Dengan banyaknya kekayaan dan hasil-mahsul negara ini, dalam bentuk tenaga manusia dan juga sumber-sumber alam, tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh mencapai pembangunan ekonomi yang pesat bersama-sama dengan keadilan sosial.

5. Selepas Merdeka, harapan untuk menikmati keadaan hidup yang lebih baik di kalangan masyarakat telah meningkat dengan pesatnya, selaras dengan kenaikan pendapatan

dan kesedaran tentang hasil perkembangan pembangunan. Satu sistem ekonomi yang berpecah mengikut kaum dan peranan ekonomi, tidak dapat diterima lagi. Oleh yang demikian, menerusi Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan berusaha bagi membantu kaum yang kurang bernasib baik dalam bidang ekonomi, supaya dapat menambahkan peluang-peluang mereka di dalam pelajaran dan pekerjaan. Dengan jalan ini, mereka itu dapat menyertai dalam pembangunan ekonomi dan memperolehi peluang-peluang di dalam beberapa

sektor ekonomi. Di dalam proses ini, kaum-kaum lain tidak perlu merasa curiga dan bimbang bahwa hak mereka

dari hasil perkembangan ekonomi, akan dirampas atau dikurangkan. Objektif keadilan sosial yang terkandung di dalam Dasar Ekonomi Baru terletak di atas galakan perkembangan ekonomi.

Tuan-tuan sekalian.

6. Kerajaan amat sedar tentang keperluan bagi mengekalkan suasana pelaburan

yang baik. Itulah sebabnya Kerajaan telah merangkakan dasar-dasar dan rancangan-rancangan untuk menggalakkan perkembangan ekonomi yang pesat. supaya sumber-sumber yang perlu. dapat diwujudkan untuk pengubahan sosio-ekonomi masyarakat kita. Apa yang telah kita lakukan, sebenarnya, ialah bagi menjamin bahawa satu bahagian yang lebih besar dan lebih adil, dapat dinikmati oleh golongan yang kurang bernasib baik dalam masyarakat kita. Dalam melaksanakan hasrat ini,

tiada satu golongan tertentu yang akan

tertindas atau yang akan dihadkan peluang-peluang. Sebaliknya, kita harus melihat daripada perkembangan yang telah dicapai sejak bermulanya tahun tujuh puluhan, supaya kita dapat mengetahui bahawa dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan yang bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, telah membawa kemakmuran yang semakin meningkat, bukan sahaja di kalangan golongan yang kurang bernasib baik, tetapi juga kepada golongan-golongan yang lebih bernasib baik, yang telah mendapat

faedah yang banyak, dari kegiatan ekonomi yang diwujudkan oleh rancangan-rancangan pembangunan awam.

7. Golongan-golongan yang bernasib baik di kalangan kita, janganlah pula mengenenepikan pandangan mengenai perspektif yang luas ini. Dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan telah pun, dan akan terus, diubah-suai mengikut keadaan. Dasar-dasar dan rancangan-rancangan ini, telah dirangka untuk membahagi semula dan menyusun semula di dalam kontek perkembangan. Sesungguhnya, dengan sumber-

sumber dan kepintaran mereka, golongan yang bernasib baik ini akan menerima keuntungan yang lebih dari perpaduan dan kemajuan negara, terutamanya di dalam membantu mereka yang kurang bernasib baik, mengambil bahagian sepenuhnya di dalam proses pembangunan negara.

Pada akhirnya, Dasar Ekonomi Baru dijangka akan mewujudkan satu susunan sosio-ekonomi yang lebih baik bagi meningkatkan perkembangan, dengan menyediakan peluang-peluang bagi semua golongan, untuk maju hingga keupayaan maksima mereka, supaya dapat bersama-sama

menikmati hasil perkembangan di dalam suasana harmoni dan kestabilan.

8. Satu contoh yang jelas mengenai jurang perbezaan dalam hak-milik dan penyer-taan di dalam sesuatu bidang ekonomi, ialah dalam sektor syarikat. Kita semua sedar bahawa pada akhir tahun 1970, kaum Bumiputra memiliki hanya 2.4 peratus daripada jumlah saham syarikat-syarikat berhad di Semenanjung Malaysia, berbanding dengan 34.3 peratus bagi kaum-kaum yang lain, dan 63.3 peratus bagi rakyat asing. Tanda-tanda menunjukkan

bahawa dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan telah berjaya meningkatkan bahagian yang dimiliki oleh kaum Bumiputra kepada 7.8 peratus menjelang akhir tahun 1975.

Tetapi ini masih rendah lagi. Bagi masyarakat Bumiputra mencapai matlamat 30 peratus dalam hak-milik modal ekuiti dalam sektor syarikat menjelang tahun 1990, hak-milik mereka dalam ekuiti syarikat mestilah meningkat dengan kadar purata tahunan sebanyak 25.8 peratus dalam tempoh tahun-tahun 1976 - 1990.

9. Walau pun paras simpanan orang-orang perseorangan dan pengusaha-pengusaha Bumiputra di dalam modal ekuiti syarikat, telah meningkat dengan pesatnya dalam beberapa tahun ini, iaitu hasil dari penyertaan mereka yang semakin meningkat dalam perdagangan dan perindustrian, kenaikan ini belum lagi mencukupi, berbanding dengan saham-saham yang telah diperuntukkan kepada masyarakat Bumiputra seluruhnya.

Dengan yang demikian, kebanyakan daripada saham-saham modal yang telah diperuntukkan ini, telah diambil oleh agensi-agensi sektor

awam, yang telah membeli saham-saham ini, sebagai amanah untuk masyarakat Bumiputra. Kerap kali saham-saham yang diperuntukkan ini telah tidak diambil langsung. Azam kita ialah, sebaik saja tingkat pendapatan dan simpanan masyarakat Bumiputra bertambah, saham-saham perusahaan yang boleh maju dan menguntungkan, akan akhirnya dijual kepada orang perseorangan dan syarikat-syarikat Bumiputra.

10. Sungguhpun agensi-agensi Kerajaan yang ada telah dapat meningkatkan hak-milik

modal ekuiti syarikat mereka, pada kadar tahunan purata sebanyak 67.4 peratus sepanjang tahun 1971-75, masih banyak lagi yang perlu dilakukan. Adalah dijangkakan bahawa agensi-agensi ini, akan terpaksa menambahkan lagi pemilikan mereka dalam ekuiti syarikat sebanyak purata 26.4 peratus setahun, supaya membantu masyarakat Bumiputra mencapai matlamat 30 peratus modal ekuiti syarikat menjelang tahun 1990. Pada keseluruhannya, agensi-agensi ini terpaksa mendapatkan dan memegang saham-saham baru, sebagai

amanah, yang bernilai sebanyak kira-kira

\$18ribujutamenjelangtahun1990,berba

dengan \$541 juta yang di miliki oleh mereka  
pada akhir tahun 1975.

Tuan-tuan sekalian.

11. Penubuhan Yayasan Pelaburan Bumiputra dengan sumbangan permulaan Kerajaan sebanyak \$200 juta, adalah pada asalnya dirancangkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sebagai satu tanggungjawab positif Kerajaan bagi menolong masyarakat Bumiputra secara langsung

mendapatkan hak mereka dalam pemilikan sektor ekonomi yang penting dan dinamik di negara ini.

Janganlah diperkecil-kecilkan tugas ini.

Walaupun bagaimanapun, saya penuh yakin, dengan pertolongan, kerjasama dan persefahaman semua rakyat Malaysia, Yayasan ini akan dapat diselenggarakan bagi memenuhi semua objektif-objektifnya. Apa yang perlu ditekankan pada saat ini ialah, meyakinkan masyarakat perniagaan khasnya, bahawa pembelian saham-saham oleh Permodalan Nasional Berhad

bagi pihak masyarakat Bumiputra, akan dilakukan dalam konteks perkembangan.

12. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, adalah dianggarkan bahawa jumlah setok ekuiti bagi sektor syarikat akan bertambah dengan kadar purata sebanyak 15 peratus sepanjang tempoh 15 tahun, iaitu antara tahun-tahun 1976-30, berbanding dengan 13.2 peratus bagi tempoh tahun-tahun 1971-75. Bagi tempoh yang sama, kadar perkembangan purata bagi hak-milik rakyat Malaysia yang lain, telah dianggarkan meningkat sebanyak

15.5 peratus, berbanding dengan purata sebanyak 15.1 peratus yang telah dicapai bagi tempuh Rancangan Malaysia Kedua. Hak-milik asing dalam ekuiti juga dianggarkan berkembang, tetapi pada kadar yang lebih kurang semasa tempuh Rancangan Malaysia Kedua, iaitu, purata sebanyak 10 peratus setahun. Dengan demikian, banyak lagi peluang-peluang bagi semua rakyat Malaysia untuk menikmati hasil perkembangan ekonomi yang semakin besar itu. Tiada golongan tertentu yang harus berasa bimbang bahawa kedudukan ekonomi mereka akan dikurangkan.

13. Di dalam rangka matlamat Kerajaan, tugas-tugas Yayasan Pelaburan ini dan anak syarikatnya, Permodalan Nasional Berhad, bukan saja penting, tetapi adalah juga amat rumit. Saya penuh yakin bahawa pengalaman dan keupayaan yang telah dibuktikan oleh ahli-ahli dan pemegang-pemegang amanah Yayasan ini, dan pengarah-pengarah Permodalan Nasional Berhad, yang berhimpun di sini pada pagi ini, akan dapat menghadapi cabaran-cabaran dengan dedikasi dan imaginasi.

..25/-

14. Tanggungjawab tuan-tuan sekalian amatlah berat. Kejayaan Yayasan Pelaburan dan anak syarikatnya, terletak di atas hasrat dan cita-cita tuan-tuan, serta kepercayaan dan keyakinan yang diperolehi, bukan saja dari masyarakat Bumiputra, bahkan dari semua rakyat Malaysia. Saya mendoakan tuan-tuan berjaya di dalam menjalankan tugas tuan-tuan.

15. Dengan pesanan dan do'a ini, saya dengan amat sukacitanya melancarkan dengan resminya Yayasan Pelaburan Bumiputra dan Permodalan Nasional Berhad.



No Siri ..... 356  
No Penerimaan ..... 150/80